



**1. PEGAWAI PERPUSTAKAAN (PIRING HITAM DAN PITA)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Perpustakaan (Filem dan Pita) atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 4 tahun.

2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan computer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
4. Berkemampuan bekerja dengan cepat dan teliti dalam suasana tegang.
5. Mempunyai kebolehan dalam membuat kerja-kerja *cataloguing* penyimpanan rancangan.
6. Mempunyai kebolehan dalam membuat salinan atau arkib bahan rancangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERPUSTAKAAN (PIRING HITAM DAN PITA):

1. Mengurus bahagian kecil perpustakaan seperti bahagian Melayu, Cina dan Inggeris.
2. Membantu Pegawai Perpustakaan Kanan dalam proses pembelian dan menapis filem-filem dan pita-pita untuk disiarkan.
3. Mengendalikan kutipan bahan perpustakaan dari segi pengedaran, pendaftaran, penyimpanan dan pemeliharaan.
4. Mengendalikan penyalinan lagu-lagu tempatan dari semasa ke semasa ke dalam format yang dikehendaki termasuk rujukan.
5. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.